

Henti bincang secara terbuka isu sensitif

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Pemuda Barisan Nasional (BN) mahu semua perbincangan terbuka mengenai isu sensitif dihentikan segera bagi mengelak perpecahan di kalangan rakyat negara ini.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, isu sensitif seperti murtad, penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC), kedudukan orang Melayu, dialog berhubung agama dan penggiliran Ketua Menteri Pulau Pinang perlu diselesaikan secara berhemah mengikut saluran yang ada.

"Ia (perbincangan isu sensitif) pernah berlaku dahulu, malah lebih sensitif dan ini adalah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pemimpin dalam masyarakat majmuk.

"Formula yang sama iaitu duduk berbincang, tolak ansur dan memahami, akan digunakan bagi menangani situasi hari ini," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Sidang akhbar yang turut dihadiri Ketua Pemuda dari ketiga-tiga parti komponen utama BN itu diadakan bagi menjelaskan pendirian Pemuda BN terhadap perbincangan secara terbuka beberapa isu sensitif termasuk ucapan Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin di Kedah, Jumaat lalu yang didakwa menimbulkan rasa tidak

Isu sensitif seperti murtad, penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC), kedudukan orang Melayu, dialog berhubung agama dan penggiliran Ketua Menteri Pulau Pinang perlu diselesaikan secara berhemah

puas hati di kalangan pemimpin parti komponen BN.


Hishammuddin menyifatkan apa yang telah berlaku itu merupakan antara ribuan ujian yang harus ditempuh oleh setiap pemimpin.

Dalam pada itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, isu ucapan Khairy yang dilapor menimbulkan rasa tidak puas hati pemimpin BN akan dibincang dan diselesaikan di peringkat Pemuda BN.

Beliau percaya isu itu dapat diselesaikan selepas Khairy memberi penjelasan kepada pemimpin Pemuda BN tidak lama lagi.

"Khairy akan beri penjelasan kalau ia memerlukan penjelasan oleh pihak yang dikatakan sensitif dan tersinggung. Sebagai pemimpin muda yang bertanggungjawab, (Khairy) mesti memberikan penjelasan," katanya.

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Ketua Pemuda BN



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tibng Lai berkata, sejarah lalu menunjukkan bahawa MCA dan UMNO berjaya menyelesaikan banyak isu besar antara kaum di negara ini.

Beliau yakin dengan semangat kerjasama dan tolak ansur yang menjadi amalan BN, dapat menyelesaikan semua isu berbangkit.

Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong berkata, penyelesaian segera penting bagi mengelak pembangkang mengambil kesempatan demi kepentingan politik mereka.

Selain itu, Ketua Pemuda MIC, S.A. Vigneswaran menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Hishammuddin dan beliau bersedia meneruskan setiap agenda bersama dengan ketua pemuda lain dalam mengekalkan perpaduan di negara ini.